

RAPANG KELABU
Grey Plover

FAMILI: Charadriidae
NAMA SAINTIFIK: *Pluvialis squatarola*

CIRI-CIRI

Semasa luar musim pembiakan, individu dewasa hampir sama dengan Rapang Kerinyut, *P.fulva*, tetapi saiz dan kepala lebih besar, paruh lebih tegap dan kaki lebih pendek secara relatif. Bahagian atas badan lebih seragam berwarna kelabu dengan bintik-bintik putih. Supersilium berwarna putih dengan bahagian tepi kepala berwarna kelabu dan bahagian leher dan dada berwarna putih. Semasa terbang, warna putih pada bahagian atas sayap dan bawah ekor jelas kelihatan. Semasa musim pembiakan, individu jantan mempunyai muka, telinga, leher, dada dan perut berwarna hitam dengan jalur yang lebar berwarna putih mengunjur dari hidung, melalui atas mata sehingga ke tepi dada. Bahagian sisi badan berwarna hitam manakala bahagian tongkeng berwarna putih. Individu betina pula mempunyai bahagian atas badan yang lebih coklat dengan bahagian tepi kepala yang kurang hitam. Individu juvenil hampir sama dengan individu dewasa luar musim pembiakan tetapi bahagian atas badan hitam dengan bintik-bintik putih kekuningan yang lebih jelas, leher dan dada kekuningan dengan jalur hitam yang lebih jelas. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 27-30 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada kumbang, cacing, belalang dan serangga-serangga yang lain.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di beting pasir dan beting lumpur, pantai dan kolam-kolam di persisiran pantai dan selalunya ditemui secara berkumpulan.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *ilee-oo-ee* yang kuat dan sayu semasa terbang. Kadangkala, ia mengeluarkan bunyi *lloo-ee* yang lebih pendek.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.